



The Observer

17.09.2021

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di Twitter. Inilah langkah pertama kami untuk mewujudkan kehadiran yang lebih menonjol di media sosial serta berinteraksi dengan pihak berkepentingan kami secara lebih berkesan. Ikuti akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

Alasan yang kabur di sebalik peletakan jawatan pengarah eksekutif HB Global

Selepas hanya tujuh bulan memegang jawatan, pengarah HB Global Limited, Lee Ping Wei ("Lee") mengumumkan peletakan jawatannya sebagai pengarah eksekutif syarikat tersebut berkuat kuasa pada 18 Ogos 2021. Dalam pengumuman di laman sesawang Bursa Malaysia, HB Global menyatakan alasan peletakan jawatan Lee adalah disebabkan komitmen peribadi lain yang memerlukan sepenuh perhatian beliau.

Selain Lee, ketua pegawai kewangan syarikat, Ang Kong Siang, juga telah meletakkan jawatan pada 12 Julai 2021. Alasan yang diberikan sama seperti Lee, iaitu disebabkan komitmen peribadi lain yang memerlukan sepenuh perhatian beliau.

Namun, agak menghairankan kerana HB Global pada 6 September telah mengeluarkan siaran media yang menyatakan bahawa Lee sudah berulang kali gagal menumpukan masa dan tenaga yang sewajarnya kepada syarikat. Prestasi kerjanya tidak mencapai tahap seperti yang diharapkan daripada seseorang yang memegang jawatan tersebut. Oleh itu, lembaga pengarah tiada pilihan selain menerima peletakan jawatan Lee secara sukarela yang berkuat kuasa pada 18 Ogos 2021.

Pemegang saham minoriti tertanya-tanya dan cuba meneka alasan peletakan jawatan Lee - sama ada ia disebabkan oleh komitmen peribadi lain yang memerlukan sepenuh perhatian beliau atau kegagalan beliau menumpukan masa dan sumber yang sewajarnya untuk syarikat itu.

Peletakan jawatan disebabkan komitmen lain adalah alasan biasa yang diberikan oleh ahli lembaga pengarah untuk melepaskan jawatan mereka, sekurang-kurangnya untuk HB Global, yang mana peletakan jawatan ketua pegawai kewangan disertakan dengan alasan yang serupa.

Selepas peletakan jawatan Lee, kita juga mungkin tertanya-tanya apakah yang mendorong tindakan HB Global mengeluarkan kenyataan media tiga minggu kemudian untuk memaklumkan pemergian Lee daripada syarikat. Selain alasan peletakan jawatan, siaran media itu juga bertujuan memaklumkan pasaran bahawa

Lee tidak lagi memiliki kuasa untuk bertindak, mewakili atau menandatangani perjanjian syarikat untuk apa-apa urusan, perundingan dan perbincangan. Syarikat berulang kali menegaskan bahawa Lee tidak lagi mempunyai apa-apa hubungan dengan Kumpulan, sama ada sebagai prinsipal dan ejen atau majikan dan pekerja.

Pengumuman seumpama itu hendaklah dibuat tepat pada waktunya bagi mengelakkan risiko transaksi tanpa kebenaran dibuat oleh Lee bersama syarikat. Urusan tanpa kebenaran dengan pihak ketiga boleh berlaku walaupun dalam tempoh beberapa hari, apatah lagi tiga minggu.

Kita tidak dapat mengelakkan spekulasi berlakunya 'pergelutan dalam lembaga' atau sesuatu yang serupa, apabila melihat pertukaran jawatan Keh Chuan Seng, 49, sebagai ketua eksekutif syarikat daripada jawatan pengerusi bukan eksekutif bukan bebas pada hari yang sama Lee meletakkan jawatan daripada syarikat.

Lagipun, kemunculan Keh dalam HB Global berlaku begitu pantas. Beliau muncul sebagai pemegang saham tunggal terbesar Syarikat pada bulan Julai 2020 selepas memperoleh 150 juta saham (bernilai dua sen sesaham) atau 32.1% pegangan saham daripada pengasas bersama dan ketua pegawai eksekutif HB Capital iaitu Shen Hengbao melalui transaksi di luar pasaran. Beliau telah mengurangkan pegangan sahamnya kepada 27.67% kira-kira dua bulan kemudian.

Pendek kata, selepas kemunculan Keh sebagai pemegang saham pengawal, HB Global juga melihat perubahan kepada Syarikat, seperti diberikan peluang kehidupan baharu.

Pada bulan April, HB Global mengumumkan ia merancang untuk memperoleh 60% saham dalam Forward Resources & Construction Sdn Bhd (FRC) dengan harga RM66 juta, dengan balasan melalui terbitan 208.41 juta saham baharu yang mewakili 27% kepentingan dalam HB Global, pada harga terbitan 25.91 sen, kepada dua vendor FRC, bersama-sama wang tunai RM12 juta. Ditubuhkan pada tahun 1993, aktiviti utama FRC termasuklah penyediaan perkhidmatan penyelesaian pembinaan dan kejuruteraan, termasuk infrastruktur generasi kelima (5G), untuk industri telekomunikasi.

HB Global sebelum ini terkenal sebagai pengeluar makanan gourmet mudah, khususnya sayur-sayuran beku dan produk daging itik yang siap dihidangkan.

Melihat dari sudut prestasi kewangan, ia berjaya memperoleh keuntungan bersih RM5.85 juta pada suku tahun kedua tahun kewangan 2021 (suku kedua tahun kewangan 2020: kerugian bersih RM1.91 juta) manakala pendapatannya melonjak 68% kepada RM22.1 juta (suku kedua tahun kewangan 2020: RM13.13 juta).

Ini menjadikan keuntungan setengah tahun pertama bagi tahun kewangan 2021 HB Global mencecah RM10.18 juta daripada kedudukan kerugian bersih RM8.45 juta pada tempoh yang sama tahun lalu manakala pendapatannya meningkat 75% kepada RM38.37 juta (setengah tahun pertama bagi tahun kewangan 2020: RM21.96 juta).

Perubahan prestasi kewangan ini ibarat cahaya di penghujung terowong bagi pemegang saham minoriti selepas bertahun-tahun berdepan prestasi syarikat yang kurang memuaskan.

Namun demikian, pengumuman yang tidak jelas ini menyebabkan spekulasi dalam kalangan pelabur, mengakibatkan ketidakpastian yang boleh mempengaruhi harga saham.

Harga saham HB Global merosot 27% dari paras tertinggi 35 sen (pada hari peletakan jawatan Lee) dan ditutup pada 25.5 sen pada 15 September walaupun terdapat peningkatan ketara dalam pendapatan pada setengah tahun pertama 2021.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 20 hingga 24 September 2021

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
20.09.21 (Isnin) 10.00 pagi	Ajinomoto (M) Bhd (AGM)	<p>Ajinomoto mencatatkan penyusutan 21.2% dalam keuntungan sebelum cukai pada tahun kewangan 2021, iaitu RM61.3 juta berbanding RM77.7 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan yang lebih rendah disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada segmen perniagaan pengguna, perbelanjaan iklan yang lebih tinggi dan kurangnya pembahagian daripada sekuriti pelaburan dan pendapatan faedah.</p> <p>Perniagaan perkhidmatan makanan terus terjejas berikutan perniagaan dan perbelanjaan pengguna yang lebih rendah.</p> <p>Ajinomoto akan terus memantau keberkesanan strategi perniagaan syarikat dan mengambil tindakan sewajarnya untuk terus berdaya saing dan mengekalkan bahagian</p>

		pasarannya dalam persekitaran yang mencabar ini.
21.09.21 (Selasa) 10.00 pagi	Superlon Holdings Bhd (AGM)	Superlon mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM13.2 juta (tahun kewangan berakhir 2020: RM8.6 juta) sebahagian besarnya disebabkan oleh usaha gigih daripada pasukannya serta peningkatan dalam margin keuntungan kasar.
21.09.21 (Selasa) 03.00 petang	Kumpulan Fima Bhd (AGM)	<p>Kumpulan Fima mencatatkan penurunan 4.5% dalam pendapatan kepada RM478.3 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada segmen Perkilangan dan Pempukalan.</p> <p>Keuntungan sebelum cukai meningkat 77.2% kepada RM91.8 juta pada tahun kewangan 2021, sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan yang lebih tinggi daripada segmen Perladangan dan Pempukalan.</p> <p>Kepelbagaian perniagaannya membuatkan Kumpulan tetap berdaya tahan. Ia komited untuk melabur semula dalam perniagaan sedia ada dan terus memberikan perhatian kepada agenda ESG.</p>
22.09.21 (Rabu) 10.00 pagi	ELK-Desa Resources Bhd (AGM)	<p>Tahun kewangan 2021 merupakan tahun yang mencabar bagi ELK-Desa yang menyaksikan penurunan yang jarang berlaku kepada penghutang sewa beli bersih iaitu daripada RM610.42 pada tahun lalu kepada RM522.78 juta.</p> <p>Walau bagaimanapun, ini sejajar dengan strateginya untuk memelihara kualiti aset dengan memperketat pengeluaran dan pemulihan kredit sewaktu krisis Covid-19.</p>

<p>22.09.21 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Genting Malaysia Bhd (Ditangguhkan dari 2 Jun 2021) (AGM)</p>	<p>Penularan wabak Covid-19 menjejaskan operasi riadah dan perhotelan di seluruh dunia. Gangguan akibat pandemik yang belum pernah berlaku sebelum ini menyebabkan pendapatan GENM menyusut 56% kepada RM4.53 bilion. Ia melaporkan kerugian bersih berjumlah RM2.36 bilion pada tahun kewangan 2020 selepas mengambil kira susut nilai dan pelunasan, kerugian daripada rosot nilai dan kos kewangan.</p> <p>Disebabkan operasinya berkait rapat dengan industri hiburan dan perhotelan, prestasi GENM amat bergantung kepada peningkatan dan pemulihan situasi pandemik Covid-19.</p>
<p>22.09.21 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>QL Resources Bhd (AGM)</p>	<p>Pendapatan QL meningkat 5.5% tahun ke tahun kepada RM4.38 bilion (tahun kewangan 2020: RM4.15 bilion), sementara keuntungan sebelum cukai menyaksikan peningkatan yang ketara, iaitu meningkat 40.9% kepada RM432.6 juta (tahun kewangan 2020: RM306.9 juta) termasuk keuntungan pengiraan semula sekali sahaja daripada kepentingan ekuitinya yang terdahulu dalam Boilermech Holdings Berhad. Kumpulan mengakhiri tahun kewangan dengan kejayaan penggabungan Boilermech sebagai anak syarikat, menandakan satu lagi peluasan kepada rantai nilai QL.</p>
<p>22.09.21 (Rabu) 10.30 pagi</p>	<p>ACME Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>ACME berjaya meningkatkan prestasinya pada tahun kewangan 2021 dengan keuntungan bersih RM2.6 juta berbanding kerugian bersih RM0.6 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh pemulihan prestasi bahagian hartanah.</p>

		Sementara itu, bahagian perkilangan mencatatkan kerugian bersih RM0.2 juta berbanding keuntungan bersih RM0.1 juta pada tahun kewangan lepas.
23.09.21 (Khamis) 10.00 pagi	Genting Bhd (Ditangguhkan dari 2 Jun 2021) (AGM)	Genting mencatatkan pendapatan RM11.6 bilion pada tahun kewangan 2020, dengan penurunan 47% tahun ke tahun. Ini menyebabkan kerugian bersih RM1.1 bilion pada tahun kewangan 2020, berbanding keuntungan bersih RM1.99 bilion pada tahun kewangan 2019. Segmen-segmen lain mencatatkan prestasi kewangan yang kurang memberangsangkan. Prestasi kewangan segmen Hospitaliti dan Riadah misalnya, terus merosot berikutan aktiviti yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19. Walau bagaimanapun, segmen Perladangan mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi terutamanya disebabkan oleh harga produk sawit yang lebih kukuh manakala segmen Minyak dan Gas merekodkan EBITDA yang agak tinggi.
23.09.21 (Khamis) 10.30 pagi	RCE Capital Bhd (AGM)	Operasi perniagaan RCE sebahagian besarnya kekal berdaya tahan walaupun ketika tempoh sekatan pergerakan baru-baru ini. Kutipannya tetap memberangsangkan, dengan kualiti aset masih stabil walaupun terdapat potongan elaun dalam kalangan penjawat awam. Disebabkan itu, ia mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi berjumlah RM124.6 juta untuk tahun kewangan 2021, dengan kenaikan 12.7% berbanding tahun lalu. Peningkatan keseluruhan prestasi kewangan juga menghasilkan pendapatan sesaham yang lebih

		tinggi iaitu 35.0 sen dan pulangan daripada ekuiti purata 17.2%.
23.09.21 (Khamis) 02.30 petang	ATA IMS Bhd (AGM)	Tahun kewangan berakhir 2021 menyaksikan prestasi syarikat yang cemerlang, yang mana ia berjaya mencatatkan keuntungan selepas cukai paling tinggi. Namun, Syarikat perlu berhati-hati supaya tidak melanggar mana-mana piawaian buruh kerana pada Mei 2021 Syarikat didakwa mengeksploitasi pekerjaanya dengan membuatkan mereka bekerja melebihi masa yang sepatutnya dan telah diletakkan di bawah pengawasan pihak berkuasa Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat.
23.09.21 (Khamis) 03.00 petang	Eksons Corporation Bhd (AGM)	Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM4.8 juta (tahun kewangan 2020: Kerugian selepas cukai berjumlah RM36.2 juta) disebabkan oleh sumbangan yang besar daripada pendapatan lain.
24.09.21 (Jumaat) 09.30 pagi	NTPM Holdings Bhd (AGM)	Kenaikan harga pulpa yang mula meningkat pada awal 2021 memberi kesan terhadap Syarikat. Pengurusan harga pulpa memainkan peranan penting terhadap prestasi kewangan Syarikat kerana pulpa adalah bahan mentah utama Syarikat. Syarikat menyatakan yang ia akan memaklumkan tentang kenaikan harga pulpa kepada pelanggan namun tindakan ini boleh mempengaruhi permintaan terhadap produknya.
24.09.21 (Jumaat) 11.00 pagi	Emico Holdings Bhd (AGM)	Perniagaan utama Syarikat iaitu pembuatan trofi terjejas teruk akibat pandemik berikutan tidak banyak acara diadakan di seluruh dunia. Justeru, Syarikat mula menceburkan diri dalam perniagaan pertanian bandar. Melihat petunjuk awal, perniagaan baharu ini berpotensi meningkatkan aliran pendapatan Syarikat.

24.09.21 (Jumaat) 03.00 petang	Pegasus Heights Bhd (Ditangguhkan dari 19 Jun 2021) (AGM)	Kedudukan keseluruhan prestasi kewangan Pegasus meningkat pada tahun kewangan 2020 berikutan pengambilalihan ChinPakLoong Architect dalam tahun kewangan. Pemerolehan ini menambah baik kedudukan ekuiti Pegasus dan menggiatkan semula segmen Perundingan Pengurusan Projek Syarikat. Disebabkan itu, prestasi kewangan Kumpulan bertambah baik dari tahun sebelumnya.
-----------------------------------	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diketengahkan
Ajinomoto (M) Bhd (AGM)	<p>Pendapatan daripada segmen Perniagaan Barangan Pengguna menyusut 7.3% daripada RM334.4 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM309.9 juta pada tahun kewangan 2021. Penyusutan ini disebabkan oleh permintaan AJI-NO-MOTO® yang rendah dalam pasaran domestik dan eksport akibat Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia dan pihak berkuasa tempatan di Timur Tengah untuk menangani penularan wabak Covid-19. Keuntungan segmen menyusut 28.2% daripada RM40.8 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM29.3 juta disebabkan pendapatan yang rendah dan perbelanjaan pengiklanan yang tinggi (halaman 7, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Kesan yang berlarutan akibat penularan wabak dan lanjutan sekatan pergerakan terhadap aktiviti sosial iaitu MCO 3.0 dijangka terus mempengaruhi penggunaan di luar rumah. Melangkah ke hadapan, apakah strategi Kumpulan yang melibatkan pelaksanaan urus niaga dalam talian dan penghantaran?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan menyesuaikan diri serta mendepani cabaran yang disebabkan oleh pandemik? Bagaimanakah Kumpulan mempersiapkan diri dalam persekitaran pascapandemik untuk memastikan pemulihan dan kesinambungan perniagaannya?</p>

Superlon Holdings Bhd
(AGM)

1. Perbelanjaan lain melonjak 251% daripada RM220,427 pada tahun kewangan 2020 kepada RM774,240 pada tahun kewangan 2021 (Halaman 56, Laporan Tahunan 2021).

Apakah yang menyebabkan lonjakan ketara dalam perbelanjaan lain?

2. Kilang-kilang Superlon di Malaysia beroperasi semula pada 19 Julai 2021. Walau bagaimanapun, kilang Syarikat di Vietnam meneruskan operasinya tanpa gangguan yang serba sedikit membantu mengurangkan kesan penutupan sementara kilang tempatan (Halaman 2, Laporan Tahunan 2021).

a) Apakah kapasiti semasa kilang-kilang Syarikat?

b) Berapakah kadar penggunaan kapasiti pada tahun semasa dan tahun sebelumnya untuk kilang-kilang Syarikat di Malaysia dan Vietnam?

Kumpulan Fima Bhd
(AGM)

Pendapatan dan keuntungan bahagian perkilangan telah menunjukkan trend menurun sejak tahun kewangan 2017.

RM'juta	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
Pendapatan	233.3	140.8	134.8	134.0	101.9
Keuntungan sebelum cukai	59.6	22.8	30.6	26.0	14.6

*TK – Tahun Kewangan

a) Apakah rancangan strategik Kumpulan untuk menambah baik prestasi kewangan bahagian pembuatan yang semakin merosot ini pada masa hadapan?

b) Pandemik Covid-19 menjejaskan jualan bahagian yang melibatkan perjalanan tempatan, pengangkutan, perjalanan luar negara dan dokumen sulit, berjumlah RM34.46 juta pada tahun kewangan 2021 (halaman 35, Laporan Tahunan 2021). Memandangkan penyusutan ini disebabkan oleh pandemik dan tahap pemulihan masih belum dapat dipastikan, bagaimanakah Kumpulan akan menentukan kepelbagaian produknya serta bersedia untuk menghadapi persekitaran

	<p>pascapandemik bagi memastikan pemulihan dan kesinambungan perniagaannya?</p> <p>c) Trend dan pemacu utama dalam tempoh lima tahun ke hadapan untuk industri percetakan keselamatan akan menyaksikan peralihan daripada percetakan keselamatan fizikal kepada dokumen digital. Misalnya, peningkatan penggunaan kad dan pembayaran mudah alih akan mempengaruhi permintaan wang kertas fizikal. Penggunaan e-pasport dan biometrik (pengecaman wajah) akan menjejaskan permintaan terhadap dokumen pengenalan bercetak (halaman 39, Laporan Tahunan 2021). Apakah usaha yang dilakukan untuk menangani ancaman digitalisasi terhadap percetakan keselamatan tradisional?</p> <p>d) Pada waktu ini, sebahagian besar pelanggan terdiri daripada sektor awam iaitu agensi-agensi kerajaan. Adakah bahagian ini berpeluang untuk memperluas lingkungan pelanggannya di dalam atau luar negara bagi mengurangkan pergantungannya terhadap sektor awam?</p>
<p>ELK-Desa Resources Bhd (AGM)</p>	<p>Nisbah pinjaman tidak berbayar ELK-Desa meningkat kepada 4.9% pada tahun kewangan 2021 (paling tinggi sejak tahun kewangan 2017) berbanding 1.4% setahun yang lalu, manakala nisbah perlindungan kerugian pinjaman juga menyusut dengan ketara kepada 121% (paling rendah sejak tahun kewangan 2017) berbanding 220% setahun yang lalu.</p> <p>Namun begitu, Syarikat menyatakan bahawa mereka sudah menjangkakan nisbah NPL yang lebih tinggi berikutan kesan bantuan yang ditawarkan kepada peminjam (halaman 24, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah bantuan yang ditawarkan oleh Kumpulan kepada peminjam yang terjejas? Bagaimanakah bantuan kepada peminjam ini meningkatkan nisbah pinjaman tidak berbayar Syarikat?</p> <p>b) Pada 30 Jun 2021, berapakah jumlah pinjaman sewa beli yang masih berada di bawah program bantuan pembayaran balik ELK-Desa? Berapa peratuskah pinjaman yang belum diselesaikan ini berbanding jumlah keseluruhan pinjaman?</p>

c) Walaupun pihak pengurusan berpandangan bahawa nisbah pinjaman tidak berbayar masih berada pada tahap yang boleh dikendalikan, adakah Kumpulan meramalkan kemampuan pembayaran balik oleh peminjam akan terus merosot pada masa hadapan? Apakah nisbah pinjaman tidak berbayar yang disasarkan oleh pihak Pengurusan?

d) Apakah kebarangkalian mendapatkan semula pinjaman tidak berbayar sedia ada?

Genting Malaysia Bhd
(Ditangguhkan dari 2
Jun 2021)
(AGM)

Pendapatan kumpulan merudum 56% dari tahun kewangan 2019 hingga tahun kewangan 2020 sementara keuntungan bersih yang berjumlah RM1,332.2 juta pada tahun kewangan 2019 berubah menjadi kerugian bersih berjumlah RM2,361.5 juta pada tahun kewangan 2020 (penurunan mendadak 277.3%). Walaupun prestasi kewangan merudum, untuk tahun kewangan 2020, tiga pengarah eksekutif iaitu Timbalan Pengerusi dan Ketua Eksekutif, Tan Sri Lim Kok Thay, Timbalan Ketua Eksekutif dan Pengarah Eksekutif, Encik Lim Keong Hui dan Presiden dan Ketua Pegawai Operasi dan Pengarah Eksekutif, Dato' Sri Lee Choong Yan masih menerima imbuhan yang besar walaupun dalam kes Tan Sri Lim terdapat penurunan jika dibandingkan dengan jumlah yang diterima pada tahun kewangan 2019. Namun begitu, peratus penurunannya jauh lebih rendah berbanding penyusutan dalam pendapatan dan keuntungan bersih Kumpulan.

Ringkasan jumlah imbuhan adalah seperti berikut:

	TK 2020 (RM Juta)	TK 2019 (RM Juta)	Perubahan (%)
Tan Sri Lim Kok Thay	49.57	67.72	-26.8
Mr. Lim Keong Hui	9.2	9.12	0.8
Dato' Sri Lee Choong Yan*	10.32	-	N/A

* dilantik sebagai Lembaga pada 1 Januari 2020

* TK – Tahun kewangan

	Nyatakan alasan di sebalik pemberian imbuhan kepada para pengarah ini walaupun prestasi Kumpulan semakin merosot.
QL Resources Bhd (AGM)	<p>Pada 9 Ogos 2021, tuntutan mahkamah difailkan terhadap anak syarikat QL, PT Pipit Mutiara Indah (PMI) dan QL Mutiara (S) Pte Ltd, serta Chia Seong Fatt (seorang pengarah QL) dalam kapasitinya sebagai pengarah PMI. Berdasarkan Pengumuman Bursa yang dibuat pada 23 Ogos 2021, Mahkamah pada 19 Ogos 2021 telah memberikan penangguhan dan tarikh perbicaraan ditangguhkan kepada 2 September 2021.</p> <p>a) Apakah perkembangan terkini berkaitan perkara yang disebutkan di atas?</p> <p>b) Bagaimanakah dan sejauh mana Lembaga secara proaktif memantau, menilai dan menjangka risiko reputasi yang mungkin dihadapi oleh Kumpulan disebabkan litigasi ini?</p>
ACME Holdings Bhd (AGM)	<p>Segmen perkilangan dan pembangunan hartanah Kumpulan mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara, yang terdiri daripada baki hutang yang belum dijelaskan daripada dua pelanggan (2020: dua pelanggan) mewakili 59% (2020: 25%) daripada jumlah penghutang. (Halaman 103, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Berapakah jumlah sebenar pelanggan Syarikat daripada segmen perkilangan dan pembangunan hartanah pada tahun kewangan 2021 dan 2020?</p> <p>b) Sila nyatakan penghutang perdagangan daripada dua pelanggan segmen perkilangan dan pembangunan hartanah pada tahun kewangan 2021 dan 2020.</p> <p>c) Sila nyatakan peruntukan Jangkaan Kerugian Kredit (ECL) untuk dua pelanggan ini sebagai peratusan ECL Kumpulan untuk tahun kewangan 2021 dan tahun kewangan 2020?</p>
Genting Bhd (Ditangguhkan dari 2 Jun 2021) (AGM)	Amalan 4.2 daripada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) menyatakan bahawa tempoh perkhidmatan seseorang pengarah bebas adalah tidak melebihi had tempoh kumulatif sembilan tahun. Selepas tamat tempoh sembilan tahun, seseorang pengarah bebas

	<p>boleh terus berkhidmat dalam lembaga pengarah sebagai pengarah bukan bebas.</p> <p>Sekiranya lembaga pengarah bercadang untuk mengekalkan seseorang pengarah bebas selepas tempoh sembilan tahun berakhir, ia hendaklah memberi alasan yang kukuh dan mendapatkan kelulusan daripada mesyuarat agung tahunan pemegang saham, Sekiranya lembaga pengarah terus mengekalkan status pengarah bebas tersebut selepas tahun yang kedua belas, lembaga pengarah hendaklah mendapatkan kelulusan daripada mesyuarat tahunan pemegang saham melalui proses undian dua peringkat.</p> <p>Terdapat seorang pengarah bebas yang memegang jawatan melebihi tempoh sembilan tahun, yang mana tiada resolusi dicadangkan bagi mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk mengekalkan beliau sebagai pengarah bebas melebihi tempoh tersebut.</p> <p>Syarikat mengetepikan Amalan itu dan mencadangkan jangka masa 9 tahun untuk mengaplikasikannya. Tempoh sembilan tahun adalah terlalu lama dan tidak masuk akal. Pelaksanaan Amalan ini perlu dipercepat, misalnya, dalam tempoh 3 tahun atau kurang.</p> <p>Amalan 4.5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) menetapkan bahawa lembaga pengarah perlu menzahirkan dalam dasar syarikat mengenai kepelbagaian jantina, sasaran dan langkah-langkah untuk mencapai sasaran dalam laporan tahunannya. Bagi Syarikat Besar, lembaga pengarah hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita.</p> <p>Syarikat juga mengetepikan Amalan itu dan mencadangkan jangka masa 9 tahun untuk mengaplikasikannya. Tempoh sembilan tahun adalah terlalu lama dan tidak masuk akal. Pelaksanaan Amalan ini perlu dipercepat, misalnya, dalam tempoh 3 tahun atau kurang.</p>
RCE Capital Bhd (AGM)	RCE juga memberikan bantuan seperti moratorium pinjaman kepada peminjam untuk mengurangkan kesan pandemik Covid-19 terhadap pelanggannya.

	<p>Apakah terma dan syarat yang dikenakan untuk mendapatkan moratorium? Berapakah jumlah pinjaman yang diletakkan di bawah moratorium berbanding jumlah keseluruhan pinjaman RCE?</p>
ATA IMS Bhd (AGM)	<p>Syarikat terlibat dalam kontroversi buruh paksa pada Mei 2021 yang menyaksikan tuduhan serius dibuat mengenai layanan terhadap pekerja asing di kilang Syarikat. (https://www.theedgemarkets.com/article/ata-ims-denies-allegation-forced-labour-share-price-tumbles)</p> <p>a) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk memastikan pekerja asing yang bekerja di kilangnya diberikan layanan yang sewajarnya?</p> <p>b) Adakah Syarikat mempunyai rancangan untuk mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing memandangkan Kerajaan Malaysia telah mengetatkan dasar pengambilan pekerja asing?</p>
Eksons Corporation Bhd (AGM)	<p>1. Ekson mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM4,774,345 pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: Kerugian selepas cukai RM36,242,998), sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan ketara dalam pendapatan lain iaitu daripada RM5,233,315 pada tahun kewangan 2020 kepada RM22,805,494 pada tahun kewangan 2021. Tanpa peningkatan yang ketara ini, Eksons mengalami kerugian operasi pada tahun kewangan 2021 (Halaman 52 & 86, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Adakah Ekson dapat mengekalkan keuntungan Syarikat tanpa bergantung kepada sumbangan yang ketara daripada pendapatan perniagaan bukan teras pada masa hadapan?</p> <p>2. Pada tahun kewangan 2021, pendapatan lain Kumpulan meningkat dengan ketara kepada RM22,805,494 daripada RM5,233,315 pada tahun kewangan 2020, disebabkan oleh keuntungan daripada sekuriti pelaburan yang belum direalisasikan berjumlah RM15,414,526 (tahun kewangan 2020: Tiada) (Halaman 86, Laporan Tahunan 2021).</p>

	Bilakah Kumpulan menjangka dapat merealisasikan keuntungan tersebut? Apakah sasaran dalaman yang ditetapkan oleh Syarikat untuk merealisasikan keuntungan daripada sekuriti pelaburan?
Emico Holdings Bhd (AGM)	<p>Jumlah yuran fungsi audit dalaman Syarikat pada tahun kewangan 2021 adalah RM 21,000. (Halaman 30, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Melihat yurannya yang agak kecil (kira-kira RM1,750 sebulan), adakah jawatankuasa audit berasa yakin dengan perkhidmatan tersebut? Adakah liputannya mencukupi dan fungsi auditnya berkesan?</p> <p>b) Apakah skop dan bidang yang diliputi oleh juruaudit dalaman dalam tahun kewangan 2020?</p> <p>c) Berapakah jumlah laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada tahun kewangan 2020?</p>
Pegasus Heights Bhd (Ditangguhkan dari 19 Jun 2021) (AGM)	<p>Pendapatan Bahagian Perdagangan meningkat sebanyak RM40.3 juta atau 485.0% kepada RM48.6 juta pada tahun kewangan 2020 berbanding RM8.3 juta pada tahun kewangan 2019.</p> <p>Walau bagaimanapun, terdapat kerugian lebih tinggi berjumlah RM17,000 pada tahun kewangan 2020 berbanding kerugian RM9,000 pada tahun kewangan 2019. Produk utama segmen perdagangan adalah perkakas rumah.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan kerugian yang lebih tinggi walaupun pendapatan meningkat 485% pada tahun kewangan 2020?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk menambah baik prestasi kewangan Bahagian Perdagangan?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, (linnert.hoo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)

Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Mohd Khalil, Pengurus, Pemantauan Korporat, (khalidah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.